

UMP pencabar baharu ragbi SUKIPT

Oleh MUHAMMAD RIDUAN
MOHD. HANAFIAH

SKUAD ragbi Universiti Malaysia Pahang (UMP) membuktikan mereka sebagai pendatang baharu yang perlu digeruni selepas menamatkan saingan di tempat keempat pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2022 semalam.

UMP yang dibimbing bekas pemain ragbi kebangsaan, Yusli Ashan, 55, berbangga dengan pencapaian anak buahnya meskipun tewas kepada juara tiga kali SUKIPT, Universiti Putra Malaysia (UPM) 0-41 di peringkat separuh akhir.

Tegas Yusli, meskipun tidak berjaya melangkah ke final, na-



mun ia satu pencapaian terbaik mereka yang membuat penampilan sulung di SUKIPT.

"Kesemua mereka ini adalah pemain baharu dan baru dide dahkan dengan sukan ragbi. Meskipun mereka masih 'hijau', namun UMP mampu berada sebaris dengan pasukan lebih ber pengalaman.

"Apa pun, saya yakin kekala han ini akan menjadi pembakar semangat kepada skuad ragbi

UMP pada edisi seterusnya," katanya kepada Kosmo! semalam.

Pada saingan tersebut, UMP yang diundi dalam Kumpulan G, berjaya menumpaskan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 21-10 sebelum menewaskan Universiti Malaya 14-07 untuk muncul juara peringkat kumpulan.

Pada pusingan kedua, UMP sekali lagi mencuri tumpuan apabila menumbangkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) 19-07.

Pada perebutan tempat ketiga, UMP yang kehilangan pemain utama tumbang ketika menentang pasukan Universiti Teknologi Petronas (UTP) dengan keputusan 0-22 sekali gus mengakhiri temasya SUKIPT tempat keempat.



UMP yang ditarisasi pemain baharu berjaya menamatkan saingan di tempat keempat pada SUKIPT kali ini selepas tewas berdepan UTP.